

**NO. SOALAN: 486**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN  
[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**RUJUKAN : 8754**

**SOALAN:**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan mengapa statistik kes-kes rogol,  
keganasan rumahtangga dan serangan seksual tidak dibenarkan  
siaran kepada umum oleh PDRM.**

**JAWAPAN:**

**Pihak awam boleh mendapatkan statistik mengenai kes seksual dan keganasan rumah tangga dengan menulis surat kepada Bahagian Komunikasi Korporat PDRM dengan menyatakan apakah tujuan statistik berkenaan diperlukan dan pihak PDRM tidak keberatan untuk membekalkannya dengan syarat bukan bertujuan untuk mengaibkan mana-mana pihak.**

**Pihak polis hanya tidak membenarkan untuk disiarkan kepada umum kes rogol, keganasan rumahtangga atau kes-kes yang lain apabila merujuk kepada nama pelaku, mangsa dan butir-butir siasatan bagi menjaga kehormatan dan keselamatan mangsa atau saksi dan siasatan yang dijalankan adalah di takrifkan sebagai sulit.**